

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HSA 101 - Pengantar Sejarah**

**[Masa: 3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. **SATU** [1] soalan dari setiap bahagian dan soalan terakhir boleh dipilih dari mana-mana bahagian.

**Bahagian A:**

1. Soal penakrifan sejarah telah mempamerkan pertikaian yang amat ketara di kalangan ahli sejarah moden. Bincangkan.
2. Perbahasan tentang soal objektiviti sejarah telah melahirkan kesangsian sama ada sejarah boleh mencapai darjah-darjah keilmuan yang diduduki oleh sains semulajadi. Bincangkan.

**Bahagian B:**

3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam menganalisis Pensejarahan Melayu Tradisional sebagai sumber sejarah? Bincangkan soalan ini dari segi kefahaman sejarah yang terdapat pada zaman "Sejarah Melayu" (Melaka).
4. Bandingkan kefahaman sejarah dalam "Sejarah Melayu" dengan Tuhfat al-Nafis.
5. Dengan melihat kepada Hikayat Siak, bincangkan bagaimana hikayat diciptakan menurut hasrat golongan/lapisan masyarakat tertentu dalam masyarakat Melayu tradisional.

.../2

**Bahagian C:**

6. Bincangkan apakah bezanya antara gerakan anti-British di Perak pada tahun 1874 dengan kebangkitan anti-British di Trengganu pada 1928.
7. Bincangkan peranan Kaum Muda di Tanah Melayu dan ulaskan pengaruhnya terhadap kebangkitan nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
8. Apakah erti neo-modernisme? Bincangkan pengaruh fahaman ini dalam aspek Politik dan sosial di Malaysia.

--oo000oo--